

**GARIS PANDUAN
LIBATSAMA MASYARAKAT DAN JARINGAN INDUSTRI
2023**

**Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri (PLiMJI)
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**

 PLMJI <small>PUSAT LIBATSAMA MASYARAKAT DAN JARINGAN INDUSTRI</small>	Jumlah Halaman : 29 Muka Surat
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)	No Semakan :
	Tarikh : 3 Mac 2023

JADUAL KANDUNGAN

SEKSYEN 1

1.	PENGENALAN	3 - 4
2.	TUJUAN	4
3.	TAFSIRAN	4 - 5
4.	OBJEKTIF GARIS PANDUAN	5

SEKSYEN 2

5.	PROGRAM DAN AKTIVITI LIBATSAMA MASYARAKAT & JARINGAN INDUSTRI	6 - 9
----	---	-------

SEKSYEN 3

6.	PENDAFTARAN PROJEK LIBATSAMA MASYARAKAT & JARINGAN INDUSTRI	10
7.	SISTEM PENARAFAN BINTANG PROJEK LIBATSAMA MASYARAKAT & JARINGAN INDUSTRI	11 - 12
8.	TANGGUNGJAWAB	13
9.	PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN	14

SEKSYEN 4

10.	DOKUMEN KERJASAMA	15
11.	KAEDAH PEMANTAUAN KERJASAMA	15
12.	PENGURUSAN KEWANGAN	16
13.	TARIKH BERKUATKUASA	16

SEKSYEN 5

14.	LAMPIRAN :	
•	BORANG MENJALANKAN PROGRAM LIBATSAMA MASYARAKAT	17 – 21
•	BORANG PERMOHONAN PENARAFAN BINTANG LIBATSAMA MASYARAKAT	22 – 28
•	CARTA ALIR LIBATSAMA MASYARAKAT & JARINGAN INDUSTRI	29

SEKSYEN 1

1. PENGENALAN

1.1 Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan.

Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Usaha ini adalah seiring dengan Objektif Pendidikan Islam yang memfokuskan kepada usaha yang berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Qur'an dan As-sunnah bagi menjadi hamba Allah yang bertanggungjawab untuk kebaikan dunia dan akhirat.

1.2 Dasar Kementerian Pendidikan Tinggi : *MALAYSIA EDUCATION BLUEPRINT (MEB 2015-2025)*

Lonjakan 1 : Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan Dan Seimbang

- i. Kepentingan
- ii. Kedudukan Malaysia
- iii. Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif
- iv. Kesimpulan
- v. Kaedah pemantauan

Lonjakan 2 : Kecemerlangan Bakat

- i. Kepentingan
- ii. Kedudukan Malaysia
- iii. Pelan tindakan pelaksanaan inisiatif
- iv. Kesimpulan
- v. Kaedah pemantauan

1.3 Falsafah USIM

Paduan di antara ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

1.4 Objektif USIM

- i. Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi menerajui pembangunan negara.
- ii. Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

1.5 Konsep Libatsama Masyarakat Dan Jaringan Industri

Konsep libatsama masyarakat atau jaringan industri adalah merujuk kepada proses di mana organisasi dan individu membina secara berterusan atau hubungan secara tetap melalui kerjasama yang memberi manfaat kepada masyarakat mahupun industri menerusi program-program yang memberi kesan dan menambah nilai kepada universiti.

1.6 Pemahaman Bagi Konsep Libatsama Masyarakat Dan Jaringan Industri Adalah Seperti Di Bawah:

Pelaksanaan program masyarakat dan industri yang berimpak merujuk kepada program atau projek yang dilaksanakan oleh USIM dengan penglibatan masyarakat dalaman (pelajar, penyelidik dan warga kampus) dan masyarakat luar (setempat dan global) termasuk pihak industri serta badan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO).

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan kaedah pelaksanaan dan pengurusan program Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merentasi skop pendidikan, penyelidikan, dan khidmat.

3. TAFSIRAN

“Libatsama Masyarakat” merangkumi sebarang aktiviti berbentuk khidmat masyarakat (*community service*), libatsama masyarakat (*Community Engagement*), perkongsian ilmu (*Knowledge Sharing*), pemindahan ilmu (*Knowledge Transfer*) atau lain-lain aktiviti yang melibatkan masyarakat dan masyarakat.

“Jaringan Industri” merangkumi penyertaan dan perkongsian strategik di antara universiti dan industri menerusi pelaksanaan program-program pendidikan, penyelidikan, inovasi, serta pengkomersialan seperti perundingan (*Consultation*), sangkutan industri (*Industrial Attachment*), Latihan Industri (*Industrial Training*), dan pembinaan jaringan kerjasama.

“Masyarakat” merangkumi kumpulan orang yang tinggal di sesuatu daerah atau negara, masyarakat (di sesuatu tempat atau negara), orang ramai umumnya. Ia juga merangkumi kumpulan individu yang mempunyai sifat-sifat (kecenderungan, kepentingan, dan lain-lain) yang serupa. (**Kamus Dewan Edisi Keempat**)

“Industri” merangkumi perusahaan dan perniagaan berorientasikan keuntungan atau bukan

keuntungan untuk menyediakan perkhidmatan dan pembuatan.

“Kakitangan” ertinya staf USIM.

“Pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan di USIM.

“PTJ” ertinya Pusat Tanggungjawab di USIM merangkumi Fakulti / Jabatan / Pusat / Bahagian / Unit.

4. OBJEKTIF GARIS PANDUAN

4.1 Garis panduan ini dirangka bagi mencapai objektif seperti berikut :

- i. Sebagai panduan kepada warga USIM bagi pelaksanaan program atau aktiviti libatsama masyarakat dan jaringan industri.
- ii. Menggalakkan penglibatan warga USIM dalam aktiviti libatsama masyarakat dan jaringan industri secara perkongsian strategik.
- iii. Mendokumentasi aktiviti libatsama masyarakat dan jaringan industri dalam satu pangkalan data universiti.
- iv. Menggalakkan perkongsian dan pemindahan ilmu antara masyarakat, industri, dan warga USIM.

4.2 Jawatankuasa:

- i. Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (JKPIU)
- ii. Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU)
- iii. Lembaga Pengarah Universiti (LPU)

SEKSYEN 2

5. PROGRAM DAN AKTIVITI LIBATSAMA MASYARAKAT DAN JARINGAN INDUSTRI

5.1 PROGRAM DAN AKTIVITI LIBATSAMA MASYARAKAT

Dalam konteks USIM, libatsama masyarakat melibatkan pihak kerajaan, industri, badan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik dan orang awam dalam aspek penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran serta perkhidmatan.

5.1.1 Bidang tumpuan utama libatsama masyarakat adalah:

i. Kelestarian Alam Sekitar – Environmental Sustainability

Aktiviti yang didefinisikan sebagai interaksi yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar untuk mengelakkan penipisan atau penurunan sumber semula jadi dan memastikan menjagaan kualiti alam sekitar jangka panjang seperti gotong royong, penanaman pokok, penempatan haiwan terbiar, aktiviti kitar semula, kempen kesedaran dengan alam sekitar.

ii. Pembinaan Keupayaan – Capacity Building

Proses membina dan mengukuhkan kemahiran, naluri, kebolehan, proses dan sumber yang diperlukan oleh organisasi dan masyarakat untuk terus hidup, menyesuaikan diri dan berkembang maju dalam dunia yang cepat berubah seperti program latihan dan pementoran.

iii. Keusahawanan Sosial – Social Entrepreneurship

Objektif utama keusahawanan adalah untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang memberi manfaat kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa dengan memfokuskan kepada masalah sosial masyarakat setempat. Keusahawanan sosial bertujuan untuk menghindari situasi masalah sosial dan mendorong peningkatan taraf hidup dalam masyarakat melalui penjanaan modal dan kebebasan sosial.

iv. Meningkat Kehidupan – Improving Livelihood

Satu bentuk program yang memberi impak kepada sesebuah masyarakat dengan meningkatkan keupayaan atau mengubah aspek kehidupan masyarakat sasaran tersebut kepada yang lebih baik. Ia termasuklah kepada penambahbaikan dalam aspek ekonomi, kesihatan, kemudahan dan persekitaran.

v. Pemindahan, Perkongsian Ilmu dan Inovasi Sosial – Knowledge Transfer, Sharing and Social Innovation

Memfokuskan kepada program bersifat keilmuan, ia termasuklah program yang melibatkan pemindahan ilmu yang dimiliki oleh pengajur kepada masyarakat sasaran ataupun perkongsian ilmu yang dapat dimanfaatkan oleh semua pihak.

vi. Pertukaran budaya - Cultural Exchange

Pertukaran budaya ialah berkongsi idea, tradisi dan pengetahuan yang berbeza latar

belakang. Contoh program pertukaran budaya seperti pertukaran pelajar dan pertukaran ilmiah atau profesional.

5.1.2 Kategori Libatsama Masyarakat

i. Libatsama Masyarakat dalam Penyelidikan

Melibatkan kolaborasi untuk tujuan penyelidikan yang melibatkan semua pemegang taruh (*stakeholder*) dalam proses dan aktiviti penyelidikan dengan mengiktiraf kekuatan setiap pihak yang terlibat. Libatsama masyarakat berasaskan penyelidikan bermula dengan topik penyelidikan yang penting bagi sesuatu masyarakat. Ia bertujuan menggabungkan pengetahuan dan tindakan bagi mencapai perubahan sosial menerusi pengetahuan dan latihan. Dapatan dalam penyelidikan boleh digunakan oleh para penyelidik untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan asas masyarakat.

ii. Libatsama Masyarakat dalam Pengajaran dan Pembelajaran

a) Pengajian Asas Masyarakat (*Community Based Learning*)

Bertujuan meningkatkan pemahaman dan penerapan kandungan akademik dan pembelajaran pelajar melalui pendekatan andragogi secara jelas telah melibatkan pelajar dalam mempelajari isu-isu semasa dan terkini melibatkan masyarakat.

b) Libatsama Masyarakat Pembelajaran Perkhidmatan (*Service Learning*)

Satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan objektif pembelajaran kursus dengan khidmat masyarakat yang melibatkan pelajar berinteraksi dengan masyarakat bagi menyelesaikan permasalahan setempat dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang mereka pelajari di bilik kuliah. Ia mempunyai nilai kredit dan jam pelaksanaan khidmat masyarakat itu dikira dalam pengiraan jumlah jam pelajar belajar bagi kursus yang berkaitan.

c) Libatsama Masyarakat dalam Perkhidmatan

Perkhidmatan yang mencerminkan kepentingan dan penglibatan peribadi dan kegiatan yang dilakukan sebagai warganegara (selepas waktu kerja atau pada masa terluang). Contoh aktiviti termasuk kerja-kerja kesukarelawan di kelab-kelab belia, hospital, perpustakaan atau jurulatih kepada pasukan sukan. Melibatkan perkhidmatan untuk kepentingan masyarakat yang tidak memerlukan persediaan akademik tertentu, aktiviti kurikulum atau aktiviti-aktiviti pendidikan.

5.1.3 Senarai Contoh Program Dan Aktiviti Libatsama Masyarakat yang boleh dilaksanakan:

Antara bentuk program dan aktiviti masyarakat yang boleh dilaksanakan berdasarkan perancangan dan kelulusan Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah seperti berikut:

- i. Misi Kemanusiaan Dalam dan Luar Negara (GISO)
- ii. Program Khidmat Masyarakat / Khidmat Masyarakat
- iii. Program Sekolah Angkat / Sekolah Kluster Kecemerlangan
- iv. Program Inovasi Sosial / Inovasi Masyarakat
- v. Program Pembangunan Masyarakat
- vi. Hari Terbuka Masyarakat
- vii. Program Khidmat Nasihat Keusahawanan / Pengembangan Perniagaan

- viii. Ekspo / Pameran / Demonstrasi Produk
- ix. Program Masyarakat bersama Majlis Tempatan / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) / Agensi Kerajaan / Swasta / *Non-Governmental Organizations (NGO)*
- x. Dan lain-lain program yang bersesuaian

5.1.4 Projek Libatsama Masyarakat Yang Tidak Diklasifikasikan Untuk Pendaftaran Libatsama Masyarakat di PLiMJI adalah seperti berikut:

- i. Khidmat masyarakat berbentuk *one-off* seperti kakitangan memberi ceramah umum di mana-mana program.
- ii. Khidmat masyarakat berbentuk *one-off* seperti kakitangan membantu mangsa banjir.
- iii. Aktiviti yang dianjurkan oleh kakitangan USIM tanpa memberi manfaat kepada USIM.
- iv. Aktiviti Libatsama Masyarakat tidak berstruktur boleh direkodkan dalam e-Akademik.
Contoh : Program Gotong Royong

5.2 PROGRAM DAN AKTIVITI JARINGAN INDUSTRI

Kerjasama dengan pihak industri akan memberi manfaat kepada proses pengajaran dan pembangunan kemahiran akses kepada pembiayaan dan data pihak industri. Selain itu, ianya juga dapat meningkatkan reputasi organisasi, memberi penerapan ilmu, membentuk peluang pembangunan bakat dalam kalangan masyarakat. Justeru, program dan aktiviti yang melibatkan industri adalah relevan untuk dipertingkatkan bagi memberi impak kepada kedua-dua belah pihak.

Secara amnya, USIM boleh bekerjasama dengan mana-mana pihak industri bagi memberi manfaat kepada pelajar dan kakitangan, masyarakat dan pihak universiti serta menaikkan imej universiti. Aktiviti kerjasama berpotensi menyumbang kepada penemuan dan pengembangan ilmu pengetahuan dan pembangunan modal insan serta berkeupayaan menghasilkan kekayaan dan seterusnya membangunkan negara.

5.2.1 Kriteria-kriteria penting dalam pemilihan jaringan industri adalah seperti berikut:

- i) Bidang industri haruslah setimpal dengan program akademik yang ditawarkan di USIM.
- ii) Penambahan dan pengembangan ilmu dari aspek pembangunan modal insan serta penyelidikan yang boleh memberi manfaat kepada USIM.
- iii) Tidak boleh berlaku sebarang kemudaratkan kepada USIM bagi setiap projek Kerjasama yang dilaksanakan oleh pihak industri.
- iv) Semua industri wajib sah dari segi undang-undang dan USIM tidak boleh disabitkan dengan apa jua kesalahan undang-undang yang datang dari aktiviti kerjasama yang sedang dilaksanakan.
- v) Projek kerjasama yang dilaksanakan tidak boleh mengandungi apa-apa kepentingan kepada mana-mana pertubuhan politik, pertubuhan haram dan juga pelampau agama.

Di samping itu juga, pihak universiti amat menggalakkan PTJ untuk mengadakan kolaborasi bersama organisasi antarabangsa bertujuan untuk menaikkan imej USIM di peringkat global.

5.2.2 Kategori Jaringan Industri

Hubungan industri boleh dijalankan dalam pelbagai bentuk:

1. Penyelidikan dan Pembangunan Produk dan Teknologi

- a. Penyelidikan Kontrak

Dijalankan berdasarkan kontrak yang telah dipersetujui dan kadangkala melibatkan isu kerahsiaan dan penerbitan. Dijalankan atas pemintaan dan dibayar oleh pelanggan USIM.

- b. Penyelidikan Bersama

Penyelidikan dijalankan dan dibiayai bersama oleh dua pihak (universiti dan industri).

2. Pengkomersilan Penyelidikan dan Inovasi

Melibatkan pengkomersilan hasil-hasil penyelidikan dan inovasi dengan kerjasama industri.

3. Harta Intelek dan Perlesenan

Harta intelek (IP) merujuk kepada hasil kreativiti manusia yang dilindungi di bawah undang-undang berkaitan harta intelek. Ianya termasuk hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk susun atur litar bersepadu, kepelbagaian baru tumbuhan dan maklumat sulit. Perlesenan adalah pemindahan harta intelek yang dihasilkan oleh universiti kepada pihak industri.

4. Perundingan

Menawarkan nasihat dan khidmat profesional dalam bidang kepakaran masing-masing untuk pelanggan USIM.

5. Pendidikan dan Latihan Menerusi Kerjasama Industri

Penempatan staf/ pelajar praktikal bagi tujuan peningkatan kemahiran untuk tujuan latihan dan pembelajaran

- a. Pembinaan Program Akademik dengan kerjasama Industri.

Contoh: 2 Universiti 2 Industri (2U2I)

- b. Program Sangkutan Industri

- c. Latihan Pelajar/Keterikatan Kakitangan

- d. Latihan/Bengkel/Seminar

6. Perkongsian Sumber Kepakaran dan Fasiliti

- a. Panel Penasihat Industri

Pelantikan individu yang dipilih bersesuaian dengan latar belakang, kemahiran sebagai ahli panel penasihat oleh pihak universiti.

- b. Usahasama Institusi

Melibatkan penggunaan peralatan dan kemudahan seperti makmal, bengkel, tenaga kerja dll.

7. Perkongsian Pengetahuan

- a. CEO@Faculty Programme (CFP)

- b. Projek Perundingan

SEKSYEN 3

6. PENDAFTARAN PROJEK LIBATSAMA MASYARAKAT DAN JARINGAN INDUSTRI

6.1 Panduan Pendaftaran

i. Mengenal pasti projek

Ketua projek mengenal pasti projek / program / aktiviti yang didaftarkan sama ada Libatsama Masyarakat (Sila rujuk Lampiran 1) atau Jaringan Industri (Sila rujuk Lampiran 2).

ii. Rancang Projek

Rancang projek / program / aktiviti masyarakat berpandukan kepada perancangan universiti / Pusat Tanggungjawab (PTj) dan Pelan Strategik USIM. Isi maklumat perancangan program/projek/aktiviti masyarakat mengikut perancangan di Pusat Tanggungjawab (PTj) dengan mengisi borang Libatsama Masyarakat (Sila rujuk lampiran 1) atau Jaringan Industri (Sila rujuk lampiran 2).

iii. Terima Permohonan dari Pusat Tanggungjawab (PTj) / Ketua projek

Semua permohonan yang diterima tetapi tidak memenuhi kriteria (Sila rujuk 5.1.4 seksyen 2) PLiMJI akan memulangkan dokumen permohonan untuk dikemaskini dan serahan semula.

iv. Perakuan Pendaftaran

Dokumen disemak oleh Pengarah/ Timbalan Pengarah untuk tujuan penarafan awal. Penarafan awal ini adalah bermaksud penarafan bintang yang diberikan oleh PLiMJI ketika menerima borang permohonan pendaftaran libatsama masyarakat daripada pemohon berdasarkan kriteria yang dinyatakan dalam borang permohonan. Penarafan yang diberikan akan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi Universiti (JKPIU) dan akan disemak oleh Pasukan Auditor *Malaysian Research Assessment Instrument (MyRA)* yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

v. Penarafan Awal dan Hebah Projek Libatsama masyarakat dan Jaringan Industri

Projek yang telah diberi penarafan awal akan dimasukkan ke dalam senarai Projek Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri yang telah disahkan oleh PLiMJI dan akan disiarkan ke dalam INFOPRO USIM.

vi. Pengesahan Jawatankuasa

Projek Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri yang telah diberi penarafan awal akan disahkan dalam Mesyuarat JKPIU dan Jawatankuasa Auditor MyRA.

7. SISTEM PENARAFAN BINTANG PROGRAM LIBATSAMA MASYARAKAT

Penarafan bintang program libatsama masyarakat dan jaringan industri oleh PTJ ditetapkan berdasarkan kriteria Penarafan Bintang Jaringan Masyarakat KPT (Glosari MYRA 2018) dan definisi Indikator Bintang Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri USIM seperti berikut:

Penarafan Bintang bagi Program Libatsama Masyarakat:

TARAF	DISKRIPSI	IMPAK	INDIKATOR
5 ★★★ ★★	Libatsama Masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> Penghakupayaan 	Libatsama Masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> Kesejahteraan masyarakat dan peningkatan kualiti persekitaran. Kelestarian amalan inovasi. Memperkasa amalan inovasi. 	Libatsama Masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> Masyarakat mengendalikan projek secara berdikari tanpa penglibatan USIM Contoh: Masyarakat mampu menjana pendapatan / peningkatan kemajuan dan mengajar ilmu tersebut kepada orang lain.
4 ★★★★	Libatsama Masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> Perubahan Amalan 	Libatsama Masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> Manfaat secara terus dari amalan inovasi seperti peningkatan kualiti dan pendapatan, pengurangankos. 	Libatsama Masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> Masyarakat / peserta menggunakan hasil inovasi yang terlibat dalam projek dalam bidang usahanya. Contoh: Masyarakat berjaya mengaplikasi apa yang telah dipelajari melalui projek untuk kemajuan masyarakat
3 ★★★	Libatsama Masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> Perubahan Pengetahuan, Sikap, Kemahiran dan Aspirasi 	Libatsama Masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> Program tindakan masyarakat membawa peningkatan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi masyarakat. 	Libatsama Masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> Masyarakat / peserta menunjukkan peningkatan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi masyarakat. Bukti pengukuran melalui hasil analisis dan lain-lain Contoh: Program telah dilaksanakan dan mendapat maklum balas daripada masyarakat
2 ★★	Libatsama Masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> Sokongan dan Penglibatan 	Libatsama Masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> Masyarakat membentuk kesedaran terhadap kepentingan tindakan masyarakat. Hubungan strategik masyarakat / organisasi. 	Libatsama Masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> USIM melaksanakan program bersama masyarakat / peserta. Contoh: Mengadakan program bersama masyarakat
1 ★	Libatsama Masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> Jalinan hubungan 	Libatsama Masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> Masyarakat bertanggapan positif terhadap USIM dan program tindakan masyarakat. 	Libatsama Masyarakat: <ul style="list-style-type: none"> Pengukuhan hubungan USIM-masyarakat / peserta melalui kunjungan, lawatan, surat, email dan lain-lain. Contoh: Lawatan ke pusat masyarakat

Penarafan Bintang bagi Program Jaringan Industri:

TARAF	DISKRIPSI	IMPAK	INDIKATOR
5 ★★★ ★☆	Jaringan Industri: <ul style="list-style-type: none"> Sumbangan Kewangan 	Jaringan Industri: <ul style="list-style-type: none"> Sumbangan Kewangan kepada projek kerjasama yang dipersetujui (nilai RM) 	Jaringan Industri: <ul style="list-style-type: none"> Sumbangan dana dalam bentuk wang tunai atau setara oleh pihak industri. Contoh: Pihak industri memberi sumbangan dalam bentuk kewangan untuk pelaburan projek yang dipersetujui.
4 ★★★★	Jaringan Industri: <ul style="list-style-type: none"> Kelestarian kerjasama strategik 	Jaringan Industri: <ul style="list-style-type: none"> Mengadakan kesinambungan projek kerjasama 	Jaringan Industri: <ul style="list-style-type: none"> Pihak industri meneruskan aktiviti dari tahun lalu kepada tahun semasa. Contoh: Projek kerjasama diteruskan dengan penambahbaikan projek sedia ada atau penambahan projek baru.
3 ★★★	Jaringan Industri: <ul style="list-style-type: none"> Impak kerjasama 	Jaringan Industri: <ul style="list-style-type: none"> Projek kerjasama mula menunjukkan impak positif kepada kedua-dua belah pihak 	Jaringan Industri: <ul style="list-style-type: none"> Aktiviti kerjasama yang memberi faedah kepada kedua-dua pihak. Contoh: Projek yang telah dilaksanakan memberi peningkatan kemahiran/ penghasilan produk.
2 ★★	Jaringan Industri: <ul style="list-style-type: none"> Sokongan dan Penglibatan 	Jaringan Industri: <ul style="list-style-type: none"> Industri menunjukkan sokongan dan penglibatan kepada projek yang dilaksanakan 	Jaringan Industri: <ul style="list-style-type: none"> Aktiviti kerjasama mula dilaksanakan di kedua-dua belah pihak. Contoh: Mengadakan projek kerjasama melibatkan kedua-dua belah pihak.
1 ★	Jaringan Industri: <ul style="list-style-type: none"> Jalinan hubungan 	Jaringan Industri: <ul style="list-style-type: none"> Industri bertanggapan positif terhadap USIM dan projek kerjasama. 	Jaringan Industri: <ul style="list-style-type: none"> Industri menunjukkan minat bagi menjalankan kerjasama. Contoh: Pihak industri membuat perbincangan/lawatan bagi memulakan projek kerjasama.

8. TANGGUNGJAWAB

8.1 Pusat Libatsama Masyarakat & Jaringan Industri (PLiMJI)

- i. Menguruskan proses kelulusan jalinan hubungan kerjasama di antara USIM dengan pihak masyarakat/ industri
- ii. Memastikan tiada pertindihan Memorandum Persefahaman (MoU)/ Memorandum Perjanjian (MoA) yang dipohon oleh PTJ
- iii. Menyediakan dokumen MoU/MoA jika berkaitan.
- iv. Memantau penghantaran laporan akhir projek.

8.2 Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- i. Memastikan aktiviti dijalankan mengikut apa yang telah dipersetujui bersama seperti dalam dokumen kertas kerja/perjanjian.
- ii. Menyediakan laporan kepada PLiMJI 3 bulan selepas program tamat.
- i. Mengenal pasti pengganti ketua projek sekiranya perlu.
- ii. Memberikan cadangan penarafan bintang bagi setiap projek yang dipohon.
- iii. Memperakukan permohonan projek.

8.3 Jabatan Undang-Undang (JUU)

- i. Memastikan kepentingan USIM dilindungi melalui MOU/ MOA.

8.4 Ketua Projek

- i. Menyediakan kertas kerja untuk menjalankan kerjasama dengan masyarakat / industri.
- ii. Memastikan kertas kerja / borang laporan pemantauan diisi dengan lengkap dan sempurna dan dihantar kepada pemegang taruh mengikut masa yang ditetapkan.
- iii. Memastikan pelaksanaan projek dilaksanakan selaras dengan kelulusan dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.
- iv. Memastikan laporan yang disediakan mengandungi gambar dan video aktiviti program. Memastikan laporan dokumentasi projek dan aliran kewangan sentiasa dikemas kini dan dikemukakan kepada pemegang taruh dari semasa ke semasa.
- v. Memberi maklumat berkenaan projek untuk tujuan MOU/MOA.
- vi. Memastikan aspek keselamatan terjaga semasa aktiviti dijalankan.

8.5 Ahli Projek

- i. Membantu Ketua Projek dalam melaksanakan projek seperti yang diarahkan mengikut bidang masing-masing.
- ii. Memberikan sepenuh komitmen dan menjalankan tanggungjawab sebagai ahli projek dalam melaksanakan projek tersebut.
- iii. Memastikan projek berjalan seperti yang dirancang.
- iv. Memberikan khidmat nasihat dan pandangan kepada rakan pasukan lain jika aktiviti yang dijalankan lebih merujuk kepada kepakaran.
- v. Membantu ketua projek untuk memastikan projek yang dijalankan selesai dengan jayanya.
- vi. Membantu pelaporan pemantauan dan pelaporan akhir projek.

9. PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

9.1 Pemantauan Projek

- i. Pelaporan program adalah mengikut ketetapan pemegang taruh.
- ii. Ketua projek perlu mengemukakan laporan mengikut format yang ditetapkan oleh pemegang taruh. Laporan perlu dihantar melalui e-mel / pos/ serahan tangan berserta surat iringan kepada pemegang taruh dan satu salinan laporan perlu dihantar kepada PLIMJI.
- iii. Ketua projek perlu membenarkan pihak pemegang taruh pada bila-bila masa yang sesuai untuk melakukan pemantauan / pemerhatian terhadap pelaksanaan program dan penggunaan kewangan. Hal ini kerana pemegang taruh berhak memantau pelaksanaan dan prestasi perbelanjaan dana yang diluluskan bagi memastikan tiada penyalahgunaan dana tersebut.
- iv. Pemantauan selepas projek tamat bagi pemastian kelestarian projek boleh dibuat (jika perlu) 3 – 12 bulan setelah projek berakhir. Pemantauan ini dijalankan bagi mengenalpasti samada masyarakat atau industri telah menggunakan ilmu dan teknologi yang disampaikan.

9.2 Laporan Akhir

- i. Laporan akhir program mesti dikemukakan dalam tempoh 3 bulan selepas tamat program berserta gambar asli, video atau *montage*.
- ii. Format laporan akhir adalah seperti ketetapan pihak pemegang taruh.

SEKSYEN 4

10. DOKUMEN KERJASAMA

10.1 Persefahaman atau perjanjian dengan pihak luar untuk menjalankan kerjasama boleh dimeterai melalui 4 jenis dokumen:

i. **Memorandum Persefahaman (MOU)**

Perjanjian bertulis yang merangkumi perkara berikut:

- a. Dokumen perlu semakan undang-undang
- b. Boleh terikat dan tidak terikat kepada apa-apa komitmen/tanggungan secara perundangan bergantung kepada kandungan dalam MOU tersebut.

ii. **Memorandum Perjanjian (MOA)**

Sebuah dokumen perjanjian yang tertulis di antara USIM dengan entiti yang berasingan, kumpulan atau individu untuk bekerjasama dalam sebuah projek yang dipersetujui atau memenuhi objektif yang dipersetujui dengan ikatan bidaan kewangan.

Perjanjian bertulis yang merangkumi perkara berikut:

- a. Dokumen perlu semakan undang-undang dan perakuan Jabatan Undang-Undang
- b. Terikat kepada tanggungjawab, obligasi-obligasi dan liabiliti-liabiliti yang telah dipersetujui bersama.
- c. Tindakan undang-undang boleh diambil sekiranya berlaku sebarang perlanggaran terma dalam MOA.

iii. **Surat Niat (LOI)**

Surat yang merangkumi dasar berkaitan perjanjian yang dicadangkan atau mengesahkan bahawa tindakan tertentu akan diambil. Biasanya, ia tidak menjadi kontrak yang muktamad tetapi ia menandakan kesungguhan minat yang mendalam dalam mencapai perjanjian muktamad yang tertakluk kepada usaha yang wajar, maklumat tambahan atau memenuhi syarat tertentu.

iv. **Surat Komitmen (LOC)**

Surat pernyataan kesediaan yang menyatakan komitmen secara terperinci berkaitan perkara yang dipersetujui yang tidak terikat kepada undang- undang.

11. KAEADAH PEMANTAUAN KERJASAMA

- i. Pengendali perlu menghantar pelaporan aktiviti kerjasama industri PTJ kepada PLiMJI. Ini bagi tujuan pemantauan aktiviti berkaitan kerjasama dengan industri yang telah dilaksanakan di peringkat PTJ dan dihantar setiap (enam) 6 bulan.
- ii. Laporan yang dihantar akan dimaklumkan kepada Jawatankuasa berkaitan Libatsama Masyarakat di PLiMJI untuk tujuan pelaporan KPI dan untuk menganalisa hasil yang diperoleh dari kerjasama yang telah dilaksanakan.

12. PENGURUSAN KEWANGAN

12.1 Pembiayaan Projek

- i. Pembiayaan Projek boleh diperolehi daripada pembiayaan universiti sama ada menerusi PLiMJI atau PTJ lain.
- ii. Pembiayaan juga boleh mengambil kira dana sumber luar sebagai contoh geran penyelidikan, sumbangan orang ramai dan juga sumbangan industri yang lain.
- iii. Dana yang diberikan perlu dibelanjakan selaras dengan kelulusan kertas kerja yang telah ditetapkan dan sebarang pindaan terhadap perincian program perlu dimaklumkan secara bertulis kepada pihak pemegang taruh untuk pertimbangan dan kelulusan.
- iv. Perbelanjaan dana tertakluk kepada peraturan kewangan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa selaras dengan pekeliling Bendahari USIM.
- v. Perbelanjaan yang tidak ditanggung oleh dana adalah tertakluk kepada peruntukan yang telah diluluskan oleh pemegang taruh.
- vi. Memaksimumkan penggunaan kemudahan sedia ada di PTJ dan Universiti.
- vii. Sebarang pecahan terhadap dana bagi tujuan penyelidikan, perundingan, pengkomersialan atau pemindahan imu dan teknologi adalah berdasarkan kebenaran pemegang taruh.
- viii. Semua klausa di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dana tersebut.

13. TARIKH BERKUATKUASA

Garis panduan ini berkuatkuasa pada 2 Februari 2023

SEKSYEN 5

LAMPIRAN 1 : BORANG MENJALANKAN PROJEK LIBATSAMA MASYARAKAT




BORANG SENARAI SEMAK

Mohon tandakan (/) pada ruangan Pemohon

BIL	PERKARA	PEMOHON	PLiMJI
1	Borang Senarai Semak		
2	Borang Menjalankan Projek Libatsama Masyarakat (PLiMJI/LM/001) yang telah lengkap diisi.		
3	Lampiran Senarai Nama Komuniti		
4	Dokumen Sokongan Contoh: Surat Tawaran/Lantikan		

Mohon sertakan :

1. Borang Senarai Semak
2. Borang Menjalankan Projek Libatsama Masyarakat (PLiMJI/LM/001)
3. Lampiran Senarai Nama Komuniti
4. Surat Tawaran/Lantikan



BORANG MENJALANKAN PROJEK LIBATSAMA MASYARAKAT

BAHAGIAN A – LATAR BELAKANG KETUA PROJEK LIBATSAMA MASYARAKAT			
Nama Ketua Projek			
No. K/P			
No. Staf			
Fakulti / PTJ			
Jawatan			
Tel. Pejabat		Tel. Bimbit	
E-mel			
BAHAGIAN B – KETERANGAN AKTIVITI			
Tajuk Projek Libatsama Masyarakat			
Komuniti Yang Disantuni			
Alamat Komuniti			
PEGAWAI AGENSI / KLIEN UNTUK DIHUBUNGI :			
Nama			
Jawatan			
No. Telefon			
E-mel			
Nama Penaja / Penaung (jika ada)			
Keterangan Projek			
Nilai Projek			
Tarikh projek		Hingga	

BAHAGIAN C – SENARAI MAKLUMAT PEGAWAI TERLIBAT		
SENARAI MAKLUMAT PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB (USIM)		
BIL	NAMA	JAWATAN (PERANAN DALAM PROJEK)

SENARAI MAKLUMAT PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB (INDUSTRI/AGENSI/KOMUNITI/DLL)		
BIL	NAMA	JAWATAN (PERANAN DALAM PROJEK)

BAHAGIAN D – ELEMEN PEMINDAHAN ILMU (<i>KNOWLEDGE TRANSFER</i>), PENYELIDIKAN, UKURAN KEBERKESANAN, CADANGAN PENARAFAN DAN <i>PROGRAM SERVICE LEARNING MALAYSIA-UNIVERSITY FOR SOCIETY (SULAM)</i>				
Adakah projek ini melibatkan elemen Pemindahan Ilmu (<i>Knowledge Transfer</i>) dari projek Penyelidikan / Perundingan / Pertandingan / SULAM?		Ya		Tidak
Jika Ya, sila nyatakan kod Geran Penyelidikan/Perundingan/ Pertandingan/SULAM				
Nyatakan Impak/Sinopsis Pemindahan Ilmu (<i>Knowledge Transfer</i>)				

Nyatakan elemen inovasi dari penyelidikan yang terkandung dalam aktiviti ini.	
Adakah sebarang pengukuran keberkesanan/kefahaman peserta dibuat? Jika ada, Sila lampirkan.	

BAHAGIAN E – PERAKUAN PEMOHON

1. Saya dengan ini mengesahkan bahawa maklumat-maklumat yang diberikan adalah benar.
2. Disertakan bersama-sama ini adalah dokumen sokongan untuk projek ini.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

BAHAGIAN F – PERAKUAN KETUA JABATAN/ DEKAN/ PENGARAH

1. Catatan: _____

2. Dengan ini saya memperakukan / tidak memperakukan maklumat ini.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

Cop Rasmi : _____

BAHAGIAN G – KELULUSAN PENGARAH PLiMJI

1. Catatan: _____

2. Dengan ini saya meluluskan / tidak meluluskan maklumat ini.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

Cop Rasmi :

**LAMPIRAN 2 : BORANG PERMOHONAN PENARAFAN BINTANG PROJEK LIBATSAMA
MASYARAKAT**




BORANG SENARAI SEMAK

Mohon tandakan (/) pada ruangan Pemohon

BIL	PERKARA	PEMOHON	PLiMJI
1	Borang Senarai Semak		
2	Borang Permohonan Penarafan Bintang Projek Libatsama Masyarakat (PLiMJI/LM/002) yang telah lengkap diisi.		
3	Lampiran Senarai Nama Komuniti		
4	Dokumen Sokongan Contoh: Laporan Program		

Mohon sertakan :

5. Borang Senarai Semak
6. Borang Permohonan Penarafan Bintang Projek Libatsama Masyarakat (PLiMJI/LM/002)
7. Lampiran Senarai Nama Komuniti
8. Laporan Program



BORANG PERMOHONAN PENARAFAN BINTANG PROJEK LIBATSAMA MASYARAKAT

BAHAGIAN A – LATAR BELAKANG KETUA PROJEK LIBATSAMA MASYARAKAT			
Nama Ketua Projek			
No. K/P			
No. Staf			
Fakulti / PTJ			
Jawatan			
Tel. Pejabat		Tel. Bimbit	
E-mel			

BAHAGIAN B – KETERANGAN AKTIVITI			
Tajuk Projek Libatsama Masyarakat			
No. Rujukan Surat Kelulusan			
Komuniti Yang Disantuni	Bidang Tumpuan Utama Libatsama Masyarakat (Sila tandakan /)	Kelestarian Alam Sekitar <i>(Environmental Sustainability)</i>	
		Pembinaan Keupayaan <i>(Capacity Building)</i>	
		Keusahawanan Sosial <i>(Social Entrepreneurship)</i>	
		Meningkat Kehidupan <i>(Improving Livelihood)</i>	
		Pemindahan, Perkongsian Ilmu dan Inovasi Sosial <i>(Knowledge Transfer, Sharing and Social Innovation)</i>	
		Pertukaran Budaya <i>(Cultural Exchange)</i>	

Alamat Komuniti			
PEGAWAI AGENSI / KLIEN UNTUK DIHUBUNGI:			
Nama			
Jawatan			
No. Telefon			
E-mel			
Nama Penaja / Penaung (jika ada)			
Keterangan Projek			
Nilai Projek (RM)			
Tarikh projek		Hingga	

BAHAGIAN C – SENARAI MAKLUMAT PEGAWAI TERLIBAT		
SENARAI MAKLUMAT PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB (USIM)		
BIL	NAMA	JAWATAN (PERANAN DALAM PROJEK)

SENARAI MAKLUMAT PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB (INDUSTRI/AGENSI/KOMUNITI/DLL)		
BIL	NAMA	JAWATAN (PERANAN DALAM PROJEK)

**BAHAGIAN D – ELEMEN PEMINDAHAN ILMU (*KNOWLEDGE TRANSFER*),
PENYELIDIKAN, UKURAN KEBERKESANAN, CADANGAN PENARAFAN DAN
PROGRAM SERVICE LEARNING MALAYSIA-UNIVERSITY FOR SOCIETY (SULAM)**

Adakah projek ini melibatkan elemen Pemindahan Ilmu (<i>Knowledge Transfer</i>) dari projek Penyelidikan / Perundingan / Pertandingan / SULAM?		Ya		Tidak	
Jika Ya, sila nyatakan kod Geran Penyelidikan/Perundingan/ Pertandingan/SULAM					
Nyatakan Impak/Sinopsis Pemindahan Ilmu (<i>Knowledge Transfer</i>)					
Nyatakan elemen inovasi dari penyelidikan yang terkandung dalam aktiviti ini.					
Adakah sebarang pengukuran keberkesaan/kefahaman peserta dibuat? Jika ada, Sila lampirkan.					
Cadangan Penarafan Bintang Bagi Projek (Lihat Lampiran A)					
Justifikasi Cadangan Penarafan Bintang yang Dicadangkan (Disertakan dokumen sokongan)					

BAHAGIAN E – PERAKUAN PEMOHON

3. Saya dengan ini mengesahkan bahawa maklumat-maklumat yang diberikan adalah benar.
4. Disertakan bersama-sama ini adalah dokumen sokongan untuk projek ini.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

BAHAGIAN F – PERAKUAN KETUA JABATAN/ DEKAN/ PENGARAH

3. Catatan: _____

4. Penarafan Bintang yang dicadangkan :

5. Dengan ini saya memperakukan / tidak memperakukan maklumat ini.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

Cop Rasmi : _____

BAHAGIAN G – KELULUSAN PENGARAH PLiMJI

1. Catatan: _____

2. Penarafan Bintang yang dicadangkan :

3. Dengan ini saya meluluskan / tidak meluluskan maklumat ini.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

Cop Rasmi : _____

PENARAFAN BINTANG JARINGAN KOMUNITI

TARAF	DISKRIPSI	IMPAK	INDIKATOR
5  	Penghakupayaan	<ul style="list-style-type: none"> i. Kesejahteraan komuniti dan peningkatan kualiti persekitaran ii. Kelestarian amalan inovasi iii. Memperkasakan amalan inovasi 	<ul style="list-style-type: none"> i. Komuniti/Peserta mengendalikan perubahan secara berdikari tanpa penglibatan institusi yang dinilai
4  	Perubahan Amalan	<ul style="list-style-type: none"> i. Manfaat secara terus dari amalan inovasi seperti peningkatan kualiti dan pendapatan, pengurangan kos 	<ul style="list-style-type: none"> i. Komuniti/Peserta menggunakan inovasi dalam bidang usahanya
3  	Perubahan Pengetahuan, Sikap, Kemahiran dan Aspirasi (PSKA)	<ul style="list-style-type: none"> i. Program tindakan komuniti membawa peningkatan pengetahuan, sikap, kemahiran dan aspirasi pada komuniti 	<ul style="list-style-type: none"> i. Komuniti/Peserta menunjukkan peningkatan pengetahuan, kemahiran serta perubahan sikap dan aspirasi ii. Bukti pengukuran melalui hasil analisis dan lain-lain
2 	Sokongan dan Penglibatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Komuniti yang membentuk kesedaran terhadap kepentingan tindakan komuniti ii. Hubungan strategik komuniti/organisasi 	<ul style="list-style-type: none"> i. Institusi yang dinilai melaksanakan program bersama komuniti/peserta
1 	Jalinan Hubungan	<ul style="list-style-type: none"> i. Komuniti bertanggapan positif terhadap institusi yang dinilai dan program tindakan komuniti 	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengukuhan hubungan Institusi yang dinilai – komuniti/peserta melalui kunjungan, lawatan, surat, emel dan lain-lain

**LAMPIRAN : CARTA ALIR PROSES PENDAFTARAN PROJEK LIBATSAMA
MASYARAKAT DAN JARINGAN INDUSTRI (USIM)**



PLiMJI
PUSAT LIBATSAMA MASYARAKAT
DAN JARINGAN INDUSTRI

TANGGUNGJAWAB	PROSES KERJA	CATATAN	DOKUMEN
Ketua Projek	<pre> graph TD Mula[Mula] --> Rancang[Rancang Projek] Rancang --> Hantar[Hantar Permohonan Projek] Hantar --> Diterima{Diterima} Diterima --> Perakuan[Perakuan Pendaftaran] Perakuan --> Hebahan[Hebahan Projek] Hebahan --> Pengesahan[Pengesahan Projek] Pengesahan --> Tamat[Tamat] Diterima --> Ditolak{Ditolak} Ditolak --> Hantar </pre>	Mengenal pasti projek/program/aktiviti yang didaftarkan Rancang projek/program/aktiviti Isi maklumat perancangan program/projek/aktiviti masyarakat mengikut perancangan di PTJ dengan mengisi	
Pengarah PLiMJI		Semakan peringkat PLiMJI	Borang Libatsama Masyarakat (rujuk lampiran1) atau Jaringan Industri (rujuk lampiran 2).
PPK/PTK PLiMJI		Dokumentasi permohonan dan surat kelulusan	
PTK/PO PLiMJI		Hebahan melalui Stracom USIM	Surat Kelulusan
Jawatankuasa Pengesahan		Mengesahkan penarafan projek	Poster